

1975

ALOR SETAR, 7 OGOS (BERNAMA) -- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED, HARI INI MEMBERI JAMINAN, KEMENTERIANNYA AKAN MELAKSANAKAN KENAIKAN PANGKAT DIKALANGAN GURU-GURU DENGAN SEADIL-ADILNYA.

PERTIMBANGAN BUKAN SAJA DIBERI DARI SEGI PENGALAMAN BAHKAN JUGA KELULUSAN, MERIT, KELICINAN MENJALANKAN TUGAS SERTA PERSOLALITI.

BERUCAP MERASMIKAN SIDANG PERWAKILAN TAHUNAN KESATUAN GURU-GURU DTC MALAYSIA BARAT DI SINI, DR. MAHATHIR BERKATA TERDAPAT SUNGUTAN DARI KESATUAN-KESATUAN GURU BAHAWA PERLANTIKAN GURU BESAR DI SEKOLAH RENDAH TIDAK SELARAS DENGAN +PERATURAN AM CHAPTER A+ YANG MEMBERATKAN +SENIORITI.+

BELIAU MENGINGATKAN JIKA KENAIKAN PANGKAT INI SENTIASA BERPEGANG KEPADA SENIORITI, MAKA INSENTIF UNTUK BEKERJA TEKUN AKAN HILANG KERANA CALUN-CALUN AKAN HANYA MENUNGGU HINGGA MASANYA TIBA UNTUK DINAIKAN PANGKAT.

DR. MAHATHIR MENJELASKAN PIHAK KEMENTERIAN PADA MASA INI SEDANG MENKAJI KEMUNGKINAN MELANTIK GURU-GURU BESAR DI SEKOLAH RENDAH, DAN DIMANA-MANA PERLU AKAN MENYELARASKAN KEDUDUKAN YANG TIDAK MEMUASKAN, SESUAI DENGAN KEHENDAK +PERATURAN AM A+ ITU.  
-- BERSAMBUNG 1824/ZCM

595.  
MAHATHIR - GURU 2 ALOR SETAR

BAGAIMANAPUN, BELIAU BERHARAP GURU-GURU JANGANLAH TERBURU-BURU MEREbut JAWATAN GURU BESAR INI.

+BERILAH PELUANG KEPADA KEMENTERIAN MENILAI GURU-GURU YANG LAYAK UNTUK KENAIKAN PANGKAT.+

MENGENAI KEDUDUKAN GURU-GURU DTC, DR. MAHATHIR MEMBERI JAMINAN PIHAK KEMENTERIAN AKAN CUBA MEMBERI KEADILAN SEBERAPA DAYA YANG BOLEH DALAM PERLANTIKAN KENAIKAN PANGKAT ATAU UNTUK JAWATAN GURU BESAR DI SEKOLAH.

MENGENAI PERJUANGAN KESATUAN-KESATUAN GURU BERHUBUNG DENGAN SYARAT-SYARAT TANGGA GAJI GURU B1 DAN B2, BELIAU BERKATA PERKARA ITU BOLEH DIKATAKAN HAMPİR SELESAI SEKARANG INI.

+OLEH ITU SAYA BERHARAP GURU-GURU AKAN DAPAT MEMBERIKAN BALASAN YANG SETIMPAL UNTUK MELAKSANAKAN DASAR PELAJARAN KEBANGSAAN DENGAN PENUH DEDIKASI DAN BERKESAN LAGI DARI MASA LAMPAU, KHASNYA DI SEKOLAH-SEKOLAH LUAR BANDAR YANG MASIH JAUH KETINGGALAN DALAM SERBA-SERBI,+ TAMBAHNYA.

BELIAU BERHARAP PENYELESAIAN TUNTUTAN TERSEBUT DAPAT MEMBERIKAN +INCENTIVE+ YANG MENGHAIKRAHKAN UNTUK PARA GURU BERKHIDMAT IEM... KEPENTINGAN BANGSA DAN NEGARA. -- BERNAMA 1830/SZ